

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Datang lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

JANJI TEMU & MAKLUMAT PEMERIKSAAN

ULTRASOUND / CT GUIDED DRAINAGE

BAHAGIAN PEMERIKSAAN:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:,.....

MASA:..... PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

CAJ PROSEDUR : RM.....

CAJ PERALATAN : RM.....

ALAHAN / ASMA : YA / TIDAK

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79492530 (kaunter janjitemu)

NOTA PENTING!!!! Sila lihat di mukasurat belakang brosur.

Pemeriksaan *Ultrasound* / *CT Guided Drainage*

1. Apakah pemeriksaan Drainage ?

Ia adalah satu prosedur yang memasukkan tiub kecil (kateter) ke dalam badan untuk menyalur keluar cecair terkumpul akibat jangkitan penyakit. Tiub tersebut akan menyalur keluar cecair ke dalam beg saliran di luar badan.

2. Bagaimana prosedur ini dilakukan?

- Pesakit perlu mendaftar sebagai pesakit dalam (masuk wad) sehari sebelum prosedur dilakukan. Sila beritahu doktor jika anda alah kepada ubat-ubatan terutamanya anestetik atau mengambil pencair darah seperti Aspirin dan Warfarin.
- Pesakit kemudiannya akan diminta untuk tidak makan (puasa) sekurang-kurangnya 6 jam sebelum prosedur.
- Semasa prosedur ini, pesakit akan baring atau duduk di atas katil mengikut kesesuaian prosedur. Pesakit akan diberikan ubat bius (anestetik setempat) untuk mengurangkan rasa sakit dikawasan yang akan dicucuk.
- Adalah sangat penting untuk elakkan dari batuk atau bergerak semasa prosedur. Jarum akan dimasukkan dengan panduan imej ultrasound atau CT. Prosedur ini mengambil masa kira-kira 15 hingga 30 minit.

3. Apakah kesan risiko, komplikasi atau sampingan prosedur ini?

- Pendarahan pada kawasan cucukan mungkin berlaku. Kehilangan darah teruk adalah jarang dan pembedahan jarang diperlukan bagi kes pendarahan yang ketara.
- Jangkitan adalah sangat jarang berlaku. Kebiasaannya boleh dirawat dengan antibiotik.

4. Apakah yang harus saya jangkakan selepas prosedur?

- Anda sepatutnya boleh menyambung semula aktiviti biasa pada keesokan harinya.
- Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda mengalami sakit dada yang teruk, sakit perut, demam gred tinggi atau kembung perut.

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan Drainage (PENTING!!!)

1. Anda dikehendaki menandatangani borang keizinan.
2. Branula akan dipasangkan kepada lengan anda.
3. Anda dikehendaki berpuasa selama 6 jam sebelum prosedur. Bagi pemeriksaan petang, anda dibenarkan mengambil sarapan pagi yang ringan dan berpuasa selepas itu.
4. Pastikan anda tiada alahan 'allergy' terhadap ubatan dan makanan laut serta tidak menghidap penyakit lelah / asma. Jika ada, diminta memberitahu kepada Pakar Radiologi untuk tindakan selanjutnya.
5. Pemeriksaan bagi wanita pula dijadualkan 10 hari dari tarikh pertama pusingan haid melainkan putus haid atau mengamalkan langkah pencegahan kehamilan.
6. Memaklumkan kepada Pakar Radiologi jika anda menghidapi AIDS, Hepatitis, 'Sexually Transmitted Disease' dan penyakit pendarahan.
7. Pastikan pemeriksaan sinar-X anda yang lama seperti CT-Scan, Ultrasound atau lain-lain (dari hospital luar) dibawa bersama nota kes ketika datang ke Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan.
8. Jika terdapat pendarahan atau bengkak ditempat suntikan, sila maklumkan kepada doktor yang berkenaan.

Doktor/ staf terlibat hendaklah diberitahu segera sekiranya:

- Jika terdapat sebarang perubahan yang ketara pada denyutan nadi, tekanan darah yang diambil sebelum dan selepas prosedur dijalankan. Jururawat perlu maklumkan kepada pakar terlibat dan langkah-langkah yang sepatutnya perlu diambil.